



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Harga RON95, RON97 dan diesel turun - Lim (Bernama)

☐ Jumaat, Feb 07 2020☐ ☐

PUTRAJAYA, 7 Feb -- Harga runcit petrol RON95 turun sebanyak empat sen seliter kepada RM2.04, RON97 turun tujuh sen seliter kepada RM2.34 dan harga runcit diesel juga turun 10 sen kepada RM2.08 seliter.

Harga runcit produk petroleum tersebut untuk tempoh 8 Feb hingga 14 Feb, demikian diumumkan Menteri Kewangan Lim Guan Eng pada sidang media di sini hari ini. Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata penurunan harga runcit itu disebabkan penurunan harga minyak global. "Harga RON95 sebanyak RM2.04 seliter dan diesel sebanyak RM2.08 seliter ini menunjukkan penurunan yang besar dari minggu lepas (1 Feb hingga 7 Feb) bagi harga runcit produk petrol



RON95 yang berada pada RM2.11 seliter (tetapi disekat pada had runcit RM2.08 seliter) dan diesel yang berada pada paras RM2.18 seliter," katanya.

Lim berkata kerajaan komited dengan dasar penstabilan harga runcit produk petroleum selaras dengan janji Manifesto Pakatan Harapan dan telah melaksanakan penetapan harga runcit secara mingguan dengan had harga tidak melebihi RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter untuk diesel.

"Ini akan membolehkan pengguna menikmati sebarang perubahan harga dengan lebih cepat selaras dengan penurunan harga runcit produk petroleum di pasaran dunia dan sebaliknya dilindungi daripada sebarang kenaikan harga melebihi RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter bagi diesel," katanya.

Lim berkata subsidi produk petroleum dan gas petroleum cecair (LPG) yang dibiayai kerajaan adalah sebanyak RM6 bilion pada tahun lepas.

Ditanya adakah penurunan harga produk petroleum tersebut turut mempengaruhi pakej rangsangan ekonomi yang bakal diumumkan, katanya perkara itu akan dinilai bagi impak sepanjang tahun.

"Apabila kita sebut pakej rangsangan ekonomi, apa yang kita pentingkan ialah memastikan pertumbuhan terus mampan dan dapat dikekalkan, itu yang diutamakan," katanya.

Ditanya sama ada harga siling petrol akan dikaji semula memandangkan trend yang menurun ketika ini, Lim berkata harga siling itu telah pun berada pada paras yang rendah.

-- BERNAMA



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian

Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas

Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data